

Surat ini mengandung dua notis undang-undang: (1) Notis Penyelesaian Tindakan Kelas Lufthansa Amerika Syarikat; dan (2) Notis Penyelesaian Tindakan Kelas Lufthansa Kanada.

Anda mungkin menjadi ahli lebih daripada satu kelas.

Sila baca kedua-dua notis.

INI IALAH NOTIS PENYELESAIAN TINDAKAN KELAS LUFTHANSA AMERIKA SYARIKAT

NOTIS UNDANG-UNDANG PENTING KEPADA SEMUA AHLI KELAS PENYELESAIAN LUFTHANSA

DIHANTAR KE IBU PEJABAT KORPORAT/PENASIHAT UNDANG-UNDANG
(JIKA BERKENAAN)

UNITED STATES DISTRICT COURT
EASTERN DISTRICT OF NEW YORK
(MAHKAMAH DAERAH AMERIKA SYARIKAT
DAERAH TIMUR NEW YORK)

IN RE (BERKENAAN DENGAN)

AIR CARGO SHIPPING SERVICES
ANTITRUST LITIGATION (LITIGASI
ANTITRUST PERKHIDMATAN
PENGIRIMAN KARGO UDARA)

No. MDL 1775

Fail Induk 06-MD-1775 (JG) (VVP)

NOTIS PENYELESAIAN TINDAKAN KELAS YANG DICADANGKAN DENGAN DEFENDAN DEUTSCHE LUFTHANSA AG, LUFTHANSA CARGO AG, DAN SWISS INTERNATIONAL AIR LINES LTD. DALAM JUMLAH \$85 JUTA

Kepada: SEMUA INDIVIDU YANG MEMBAYAR PERKHIDMATAN PENGIRIMAN KARGO UDARA DARIPADA SEBARANG PENGANGKUT KARGO UDARA UNTUK PENGIRIMAN KARGO UDARA DALAM, KE, ATAU DARI AMERIKA SYARIKAT DARI JANUARI 1, 2000 HINGGA SEPTEMBER 11, 2006, TERMASUK INDIVIDU YANG MEMBAYAR PERKHIDMATAN PENGIRIMAN KARGO UDARA MELALUI PENGIRIM MUATAN.

SILA BACA KESELURUHAN NOTIS INI DENGAN CERMAT. HAK ANDA MUNGKIN TERJEJAS OLEH TUNTUTAN MAHKAMAH YANG SEKARANG INI SEDANG MENUNGGU KEPUTUSAN MAHKAMAH INI. NOTIS INI MENASIHATKAN ANDA BERKENAAN PILIHAN ANDA BERKENAAN TINDAKAN KELAS, TERMASUK APA YANG MESTI ANDA LAKUKAN JIKA ANDA MAHU BERKONGSI DALAM JUMLAH \$85 JUTA TABUNG PENYELESAIAN.

Notis ini diberi menurut Rule 23 of the Federal Rules of Civil Procedure and an Order of the United States District Court for the Eastern District of New York (Peraturan 23 bagi Peraturan Persekutuan bagi Prosedur Awam dan Arahan Mahkamah Daerah Amerika Syarikat untuk Daerah Timur New York) ("Mahkamah").

SOALAN? HUBUNGI A.S. & KANADA (BEBAS TOL) 1(800) 749-3518;
ANTARABANGSA (TOL): 1(941) 906-4822; ATAU LAWATI www.aircargosettlement.com
Senarai lengkap nombor telefon bebas tol dan bertol Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara) mengikut negara dilampirkan dengan Notis ini, dan senarai ini boleh didapati dengan melawai laman web.

Tujuan Notis ini adalah untuk memberitahu anda sementara menunggu tuntutan mahkamah tindakan kelas yang dicadangkan ("Tindakan") dan untuk penyelesaian separa bagi Tindakan dengan defendan Deutsche Lufthansa AG, Lufthansa Cargo AG, dan Swiss International Air Lines Ltd. (bersesama "Lufthansa"). Tindakan itu mendakwa yang Lufthansa dan Defendan yang lain (ditakrifkan di bawah) yang bukan sebahagian daripada penyelesaian ini melanggar undang-undang antitrust Amerika Syarikat dan undang-undang negeri mengenai penjualan Perkhidmatan Pengiriman Pengangkutan Udara (ditakrifkan di bawah). Untuk menyelesaikan tuntutan terhadap mereka yang melibatkan pengiriman kargo pengangkutan udara di dalam, kepada, atau daripada Amerika Syarikat, Lufthansa telah bersetuju untuk membayar \$85 juta dan untuk bekerjasama dalam pendakwaan tuntutan terhadap Defendan yang tinggal.

Mahkamah akan menjalankan Pembicaraan Kesaksamaan awam pada Disember 12, 2008, untuk mempertimbangkan sama ada Perjanjian Penyelesaian Lufthansa harus diluluskan. Tujuan Pembicaraan Kesaksamaan adalah untuk menentukan sama ada Perjanjian Penyelesaian Lufthansa adalah adil, berpatutan, dan mencukupi.

Pilihan anda akan diterangkan kemudian dalam Notis ini dan diringkaskan sebagai:

- 1. Kekal dalam Kelas Penyelesaian Lufthansa dan hantar Borang Tuntutan.** Jika anda terima Notis ini melalui surat, anda telah pun menerima Borang Tuntutan yang disertakan dengan Notis ini. Jika anda sedang mengkaji semula Notis ini dalam talian, atau menerima salinannya dengan apa cara sekali pun selain melalui surat daripada Pentadbir Tuntutan Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara), anda boleh memohon Borang Tuntutan dalam talian di www.aircargosettlement.com atau dengan menghubungi Pentadbir Tuntutan Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara): A.S. & Kanada (Bebas-Tol) di 1 (800) 749-3518; atau Antarabangsa (Tol) di 1 (941) 906-4822. Senarai lengkap nombor telefon bebas-tol dan tol Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara) menurut negara dilampirkan dalam surat Notis ini, dan senarai tersebut juga tersedia dalam talian.
- 2. Permintaan secara bertulis tidak dimasukkan dalam Kelas Penyelesaian Lufthansa.** Jika anda meminta untuk dikecualikan anda tidak akan layak untuk menyertai Penyelesaian Lufthansa. Jika anda tidak mengecualikan diri anda dalam Kelas Penyelesaian Lufthansa, anda akan terikat oleh Pelepasan jika Mahkamah memerintahkan untuk meluluskan Perjanjian Penyelesaian Lufthansa. Maklumat berkenaan pengecualian telah dikemukakan di bawah dan tersedia dalam talian di www.aircargosettlement.com.
- 3. Kekal dalam Kelas Penyelesaian Lufthansa tetapi membantah.** Jika anda tidak meminta untuk dikecualikan dari Kelas Penyelesaian Lufthansa, anda boleh kekal sebagai Ahli Kelas Penyelesaian Lufthansa dan hantar Borang Tuntutan, tetapi dalam masa yang sama membantah sebarang aspek Penyelesaian Lufthansa. Tempoh akhir untuk memfailkan sebarang bantahan adalah pada November 12, 2008.
- 4. Tidak Melakukan Apa-Apa.** Jika anda tidak mengecualikan diri anda dari Kelas Penyelesaian Lufthansa dan anda juga tidak menghantar Borang Tuntutan, anda tidak akan layak untuk menerima bayaran daripada Tabung Penyelesaian Lufthansa dan anda akan melepaskan Lufthansa daripada tuntutan yang diterangkan dalam Pelepasan.

SOALAN? HUBUNGI A.S. & KANADA (BEBAS TOL) 1(800) 749-3518;
ANTARABANGSA (TOL): 1(941) 906-4822; ATAU LAWATI www.aircargosettlement.com
Senarai lengkap nombor telefon bebas tol dan bertol Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara) mengikut negara dilampirkan dengan Notis ini, dan senarai ini boleh didapati dengan melawai laman web.

I. LATAR BELAKANG LITIGASI

A. Apakah Tuntutan Mahkamah Tindakan Kelas?

Tindakan kelas ialah tuntutan mahkamah di mana beberapa plaintif perwakilan membuat tuntutan mahkamah terhadap defendan bagi pihak diri mereka dan orang lain yang dalam keadaan yang serupa. Plaintif, perwakilan, Mahkamah, dan peguam dilantik untuk mewakili kelas tersebut, semua pihak mempunyai tanggung-jawab untuk memastikan semua kepentingan ahli kelas diwakili dengan memuaskan. Penting, ahli kelas adalah TIDAK bertanggung-jawab secara individu untuk bayaran peguam atau perbelanjaan litigasi bagi Peguam Kelas. Dalam tindakan kelas, bayaran peguam dan perbelanjaan litigasi adalah dibayar daripada tabung penyelesaian (atau jumlah yang diputuskan oleh mahkamah) dan mestilah diluluskan oleh Mahkamah.

Apabila kelas merundingkan penyelesaian yang dicadangkan dengan defendan, seperti penyelesaian dengan Lufthansa ini, kemudiannya Mahkamah akan menghendaki kelas diberikan notis bagi penyelesaian tersebut dan diberi peluang untuk didengarkan. Mahkamah kemudiannya akan menjalankan perbicaraan untuk menentukan, antara perkara lain, jika penyelesaian yang dicadangkan tersebut adalah adil, berpatutan dan mencukupi.

B. Ringkasan Tindakan

Dalam Tindakan ini, Plaintif mendakwa Lufthansa dan defendan lain melibatkan diri dalam pakatan untuk menetapkan, menaikkan, mengekalkan, atau menstabilkan harga bagi Perkhidmatan Pengiriman Pengangkutan Udara dengan menyelaraskan surcaj (yuran yang pembawa kargo udara kenakan bayaran tambahan dari kadar pengiriman biasa untuk kos lebihan yang tertentu, seperti "surcaj bahan api" atau "surcaj keselamatan"), bersama-sama mempersetujui untuk menghapuskan atau menghalang potongan harga, mempersetujui ke atas memperoleh dan mengagih-agihkan pelanggan, semuanya dalam pencabulan undang-undang antitrust Amerika Syarikat dan undang-undang negeri. Akibat dari dakwaan pengendalian ini, Plaintif mendakwa yang mereka dan ahli Kelas yang lain membayar lebih untuk Perkhidmatan Pengiriman Pengangkutan Udara daripada yang sepatutnya mereka bayar dengan ketiadaan dakwaan pengendalian ini. Selain Lufthansa, nama "Defendan" dalam litigasi ini ialah:

AC Cargo LP	Japan Airlines International Co., Ltd.
Aerolineas Brasileiras S.A (d/b/a Absa Cargo Airline)	Kenya Airways Ltd.
Air Canada	KLM Royal Dutch Airlines
Air China Cargo Company Ltd. (d/b/a Air China Cargo)	Korean Airlines Co., Ltd.
Air China Ltd. (d/b/a Air China)	LAN Airlines S.A. (f/k/a LAN Chile S.A.)
Air Mauritius Ltd.	Lan Cargo S.A.
Airways Corporation of New Zealand Ltd. (d/b/a Airways New Zealand)	Martinair Holland N.V.
Alitalia Linee Aeree Italiane S.p.A.	Nippon Cargo Airlines Co., Ltd.
All Nippon Airways Co., Ltd.	Polar Air Cargo, Inc.
Asiana Airlines, Inc.	Qantas Airways Ltd.
Atlas Air Worldwide Holdings, Inc.	Scandinavian Airline Systems AB
British Airways PLC	Saudi Arabian Airlines, Ltd.
Cargolux Airlines International S.A.	Singapore Airlines Cargo PTE, Ltd.
Cathay Pacific Airways, Ltd.	Singapore Airlines, Ltd.
DAS Air Ltd. (d/b/a Das Air Cargo)	Société Air France
EI Al Israel Airlines	South African Airways (Proprietary), Ltd.
Emirates Airlines (d/b/a Emirates)	Thai Airways International Public Co., Ltd.
Ethiopian Airlines Corp.	Viação Aérea Rio-Grandense, S.A. ("VARIG")

SOALAN? HUBUNGI A.S. & KANADA (BEBAS TOL) 1(800) 749-3518;
ANTARABANGSA (TOL): 1(941) 906-4822; ATAU LAWATI www.aircargosettlement.com
Senarai lengkap nombor telefon bebas tol dan bertol Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara) mengikut negara dilampirkan dengan Notis ini, dan senarai ini boleh didapati dengan melawai laman web.

Dengan mengikat Perjanjian Penyelesaian dengan Plaintiff, Lufthansa tidak mengaku melibatkan diri dalam dakwaan pengendalian yang menyalahi undang-undang dalam Tindakan ini. Jika Lufthansa tidak mengikat Perjanjian Penyelesaian dengan Plaintiff, Lufthansa akan menegaskan beberapa pembelaan diri terhadap tuntutan Plaintiff. Selain itu, Lufthansa telah termasuk dalam program kelonggaran U.S. Department of Justice Antitrust Division (Divisyen Antitrust Jabatan Keadilan A.S.), yang mana menyediakan kelonggaran kepada syarikat yang melaporkan aktiviti antitrust yang menyalahi undang-undang kepada penyiasat Kerajaan di peringkat awal; di bawah Antitrust Criminal Penalty and Enhancement and Reform Act of 2004, Pub. L. No. 208-137,118 Stat. 665 (June 22, 2004) ("ACPERA") (Penalti Jenayah Antitrust dan Akta Penambahan dan Pembaharuan 2004, Pub. L. No. 208-137,118 Stat. 665 [Jun 22, 2004] ["ACPERA"]), liabiliti potensi Lufthansa dalam litigasi awam adalah nyata sekali terhad tertakluk kepada Lufthansa memberikan kerjasama yang memuaskan kepada Plaintiff seperti yang dinyatakan dalam ACPERA.

Baik Plaintiff mahu pun Lufthansa tidak pernah membuktikan tuntutan mereka. Mahkamah tidak menyatakan pendapatnya sama ada dakwaan Plaintiff adalah benar atau sama ada Lufthansa atau sebarang Defendan telah melibatkan diri dalam sebarang kesalahan.

C. Takrif Kelas Penyelesaian Lufthansa

Menurut Arahan yang bertarikh April 4, 2008, Mahkamah terlebih dahulu memperakui Kelas Penyelesaian Lufthansa dan mengarahkan supaya notis ini disediakan kepada individu dan entiti yang tergolong dalam takrif Kelas Penyelesaian Lufthansa ("Ahli Kelas Penyelesaian Lufthansa"). Kelas Penyelesaian Lufthansa ditakrifkan sebagai:

Semua individu dan entiti yang membayar perkhidmatan pengiriman muatan kargo udara untuk kiriman dalam, ke, atau dari Amerika Syarikat (kemudian dari ini "Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara"), termasuk individu dan entiti yang membayar Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara melalui pengirim muatan, daripada sebarang pembawa kargo udara (termasuk, tanpa pembatasan, defendan tersebut yang dinamakan dalam Tindakan, dan secara khususnya termasuk Lufthansa) dan/atau sebarang rakan komplot yang dinamakan atau tidak dinamakan (bersesama "Defendan") dalam tempoh dari Januari 1, 2000 hingga September 11, 2006. Tidak termasuk daripada Kelas Penyelesaian adalah Defendan, syarikat induk, pekerja, subsidiari, dan ahli gabungan masing-masing, dan semua entiti kerajaan.

"Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara" adalah ditakrifkan sebagai perkhidmatan pengiriman muatan kargo udara untuk pengiriman dalam, ke, atau dari Amerika Syarikat.

SILA AMBIL PERHATIAN, Kelas Penyelesaian Lufthansa adalah berbeza daripada Kelas yang dicadangkan yang ditakrifkan dalam Tindakan. Kelas Penyelesaian Lufthansa termasuk individu yang membayar daripada sebarang pengangkut kargo udara, termasuk pengangkut kargo udara yang tidak menamakan defendan dalam Tindakan ini.

II. RINGKASAN BAGI PENYELESAIAN YANG DICADANGKAN DENGAN LUFTHANSA

Penerangan berikut bagi Perjanjian Penyelesaian Lufthansa yang dicadangkan hanyalah satu ringkasan. Perjanjian Penyelesaian Lufthansa (termasuk empat pembedaan yang telah dibuat) berada dalam fail Mahkamah di alamat yang ditunjukkan dalam Notis ini dan disediakan di laman web rasmi Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara) (www.aircargosettlement.com).

Bagi pihak Kelas Penyelesaian Lufthansa, Plaintiff mengikat Penyelesaian Lufthansa. Lufthansa telah bersetuju untuk membayar \$85 juta (termasuk faedah terakru) dan memberikan kerjasama kepada Peguam Kelas Penyelesaian dalam litigasi berterusan mereka terhadap Defendan lain. Jumlah \$85 juta

dibayar oleh Lufthansa termasuk faedah terakru ("Tabung Penyelesaian Lufthansa") adalah tertakluk kepada pengurangan kepada akaun bagi amaun yang Ahli Kelas Penyelesaian yang mengecualikan diri mereka dari Kelas Penyelesaian Lufthansa yang sepatutnya diterima jika mereka kekal dalam Kelas Penyelesaian Lufthansa dan menghantar Borang Tuntutan yang sah. *Lihat* Perjanjian Penyelesaian, perenggan 46. Juga jika Lufthansa menyelesaikan dengan sebarang entiti yang mengecualikan diri mereka dalam Kelas Penyelesaian Lufthansa untuk amaun yang lebih banyak daripada yang sepatutnya diterima di bawah syarat Penyelesaian Lufthansa, Lufthansa perlu membuat bayaran penyelesaian tambahan kepada Kelas Penyelesaian Lufthansa. *Lihat* Perjanjian Penyelesaian, perenggan 65. Lufthansa akan dilepaskan daripada semua tuntutan yang dinyatakan terhadapnya bagi pihak Kelas Penyelesaian Lufthansa dalam Tindakan ini. Tindakan akan diteruskan terhadap Defendan yang tiada penyelesaian. Tindakan akan juga diteruskan terhadap Lufthansa untuk semua tuntutan yang dimaklumkan dalam Tindakan yang tidak dilepaskan di bawah syarat Perjanjian Penyelesaian Lufthansa.

A. Keperluan Kerjasama

Kerjasama Lufthansa di bawah Perjanjian Penyelesaian Lufthansa termasuk pengeluaran bagi:

- dokumen dan bahan berkenaan penjualan Lufthansa bagi Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara dalam, ke, atau dari Amerika Syarikat;
- semua dokumen berkenaan komunikasi sebenar atau berpotensi di antara dua atau lebih Defendan berkaitan harga atau pelanggan untuk Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara; dan
- semua dokumen berkenaan perdagangan kargo udara dalam, ke, atau dari Amerika Syarikat yang Lufthansa telah sediakan kepada United States Department of Justice (Jabatan Keadilan Amerika Syarikat), European Commission (Suruhanjaya Eropah), atau sebarang lembaga persaingan kebangsaan yang menyiasat industri kargo (tetapi tidak termasuk dokumen yang dibuat oleh peguam Lufthansa untuk penyiasatan tersebut).

Selain itu, Lufthansa telah bersetuju untuk menghasilkan dokumen lain yang relevan kepada tuntutan Plaintiff apabila terdapat permintaan yang berpatutan.

Kerjasama tersebut disediakan di bawah Perjanjian Penyelesaian Lufthansa juga memerlukan Lufthansa berjumpa dengan Peguam Kelas Penyelesaian seberapa kerap yang berpatutan dan perlu untuk menyokong pelaksanaan Tindakan tersebut. Perjumpaan ini termasuk keperluan kepada Lufthansa memberikan pendapat terperinci yang menyediakan semua fakta yang diketahui berkenaan pendakwaan pengendalian antipersaingan.

Lufthansa juga telah setuju bersedia untuk ditemu bual, akuan atau affidavit, deposisi, dan testimoni perbicaraan pengarah sekarang atau bekas pengarah Lufthansa, pegawai dan pekerjanya yang pernah ditemu bual oleh U.S. Department of Justice (Jabatan Keadilan Amerika Syarikat), European Commission (Suruhanjaya Eropah), dan sebarang lembaga persaingan kebangsaan yang lain yang menyiasat industri kargo udara. Lufthansa telah setuju untuk mengemukakan pada perbicaraan dan/atau deposisi, atau melalui affidavit atau akuan, wakil yang layak untuk membuktikan penerimaan dokumen keterangan yang telah dihasilkan oleh Lufthansa dalam Tindakan ini dan keterangan penjualan Lufthansa bagi Perkhidmatan Pengiriman Pengangkutan Udara dan/atau surcaj yang berkaitan.

B. Pelepasan

JIKA ANDA TIDAK MENGECEUALIKAN DIRI ANDA DARIPADA KELAS PENYELESAIAN LUFTHANSA APABILA PERJANJIAN PENYELESAIAN LUFTHANSA MENJADI MUKTAMAD, ANDA AKAN MELEPASKAN LUFTHANSA UNTUK TUNTUTAN YANG DITERANGKAN DI BAWAH, DAN ANDA AKAN TERIKAT OLEH PELEPASAN DALAM PERJANJIAN

SOALAN? HUBUNGI A.S. & KANADA (BEBAS TOL) 1(800) 749-3518;

ANTARABANGSA (TOL): 1(941) 906-4822; ATAU LAWATI www.aircargosettlement.com

Senarai lengkap nombor telefon bebas tol dan bertol Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara) mengikut negara dilampirkan dengan Notis ini, dan senarai ini boleh didapati dengan melawai laman web.

PENYELESAIAN LUFTHANSA – WALAU PUN JIKA ANDA TIDAK MEMFAILKAN BORANG TUNTUTAN ATAU MENYERTAI DALAM TABUNG PENYELESAIAN LUFTHANSA.

Sebagai pertukaran kepada pembayaran \$85 juta yang dibuat oleh Lufthansa (tertakluk kepada pengurangan untuk Ahli Kelas Penyelesaian Lufthansa yang mengecualikan diri mereka) dan kerjasama Lufthansa cukup besar, Ahli Kelas Penyelesaian Lufthansa akan terikat oleh tuntutan pelepasan yang berikut, yang mana akan termasuk dalam pertimbangan kelas, seperti yang telah dikemukakan dalam Perjanjian Penyelesaian:

"Tuntutan" adalah bermaksud sebarang dan semua tindakan, guaman, tuntutan, hak, permintaan, penuntutan, tuduhan, punca tindakan, kontroversi, prosiding, kehilangan, kerosakan, kecederaan, yuran guaman, kos, perbelanjaan, hutang, liabiliti, pertimbangan, atau pemulihan (sama ada saksama atau sah).

"Pihak yang Dilepaskan" merujuk kepada secara bersama-sama dan berasingan, secara individu dan kolektif, kepada Lufthansa, pendahulunya, pengganti, syarikat induk, subsidiari, bahagian, jabatan, ahli gabungan, waris, wasi, pentadbir, dan sebarang dan semua pegawai yang lepas, sekarang, akan datang, pengarah, pemegang saham, rakan kongsi, ejen, peguam, kaki tangan, pekerja, dan pemegang serah haknya. Walaupun sebelum ini, "Pihak yang Dilepaskan" tidak termasuk (i) sebarang defendan lain yang dahulunya atau sekarang dinamakan dalam Tindakan; (ii) sebarang defendan lain yang kemudiannya ditambah atau masuk dalam Tindakan; (iii) sebarang rakan komplot lain; dan/atau (iv) sebarang bekas pekerja, pegawai atau pengarah Lufthansa yang berazam untuk menolak dari bekerjasama dengan permintaan yang berpatutan untuk temu ramah, pengisytiharan atau affidavit, deposisi atau perbicaraan testimoni oleh Peguam Kelas Penyelesaian (rayuan hak bagi pembabitan diri dianggap menolak untuk bekerjasama).

"Pihak yang Melepaskan" harus merujuk secara individu dan kolektif, kepada Plaintiff dan semua Ahli Kelas Penyelesaian [Lufthansa], bagi pihak diri mereka dan sebarang individu atau pendakwa entiti oleh atau melalui mereka sebagai waris, pentadbir, penerima devis, orang yang terdahulu, pengganti, syarikat induk, subsidiari, wakil bagi sebarang jenis, pemegang saham, rakan kongsi, pengarah, pemilik bagi sebarang jenis, ahli gabungan, pemegang serah hak, ejen, pekerja, kontraktor, peguam, atau syarikat insurans, dan kepada Peguam Kelas Penyelesaian, bagi pihak diri mereka dan sebarang individu atau pendakwa entiti oleh atau melalui mereka sebagai waris, pentadbir, penerima devis, orang yang terdahulu, pengganti, syarikat induk, subsidiari, wakil bagi sebarang jenis, pemegang saham, rakan kongsi, pengarah, pemilik bagi sebarang jenis, ahli gabungan, pemegang serah hak, ejen, pekerja, kontraktor, peguam, atau syarikat insurans.

[P]ihak yang Melepaskan harus dianggap untuk dan dengan ini meringankan, melepaskan, dan mengeluarkan selamanya Pihak yang Dilepaskan bagi atau daripada sebarang dan semua Tuntutan yang timbul daripada atau dalam sebarang cara berkaitan dengan, harga bagi atau pemampasan berkaitan dengan perkhidmatan pengiraman muatan kargo udara yang disediakan oleh Lufthansa, sebarang pengangkut kargo udara lain (termasuk, tanpa pembatasan, defendan tersebut yang dinamakan dalam Tindakan), dan/atau sebarang rakan komplot yang dinamakan atau tidak dinamakan, untuk kiriman dalam, kepada, atau daripada Amerika Syarikat (dan secara khususnya termasuk, tanpa pembatasan, Tuntutan dalam sebarang cara berkaitan dengan kadar kargo, surcaj bahan api, surcaj keselamatan, surcaj kastam Amerika Syarikat, surcaj risiko peperangan, komisen, insentif, potongan, kredit, hasil, atau sebarang unsur lain bagi harga bagi atau pemampasan yang berkaitan dengan perkhidmatan pengiraman muatan kargo udara), sama ada Tuntutan tersebut adalah berdasarkan undang-undang persekutuan, negeri, tempatan, berkanun, atau undang-undang biasa, atau sebarang undang-undang lain, kod, peraturan, atau peraturan bagi sebarang

SOALAN? HUBUNGI A.S. & KANADA (BEBAS TOL) 1(800) 749-3518;

ANTARABANGSA (TOL): 1(941) 906-4822; ATAU LAWATI www.aircargosettlement.com

Senarai lengkap nombor telefon bebas tol dan bertol Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara) mengikut negara dilampirkan dengan Notis ini, dan senarai ini boleh didapati dengan melawai laman web.

negara atau bidang kuasa sejagat yang lain, termasuk Tuntutan yang diketahui atau tidak diketahui, dicurigai atau tidak dicurigai, ditegaskan atau tidak ditegaskan, nampak atau tidak nampak, sebenar atau bergantung, dibubarkan atau tidak dibubarkan, yang telah, mungkin telah, atau pada masa hadapan mungkin akan ditegaskan oleh sebarang Pihak yang Melepaskan dalam sebarang tindakan atau prosiding dalam sebarang mahkamah atau forum, dalam sebarang negara atau bidang kuasa sejagat lain, tanpa teori sah, dan tanpa jenis atau amaun bagi tuntutan relief atau kerosakan.

Tiada satu pun di dalam ini harus ditafsirkan untuk melepaskan mana-mana tuntutan individu berdasarkan kelalaian, mungkir kontrak, bailmen, kegagalan untuk menghantar, barang-barang hilang, barang-barang rosak atau lewat tiba, atau tuntutan serupa yang berkaitan dengan Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara yang dibuat dalam cara yang konsisten dengan Warsaw Convention (Konvensyen Warsaw). Di samping itu, tiada satu pun di dalam ini harus ditafsirkan untuk melepaskan apa-apa tuntutan berdasarkan semata-mata ke atas tindakan yang berlaku selepas September 30, 2006. Lufthansa dengan jelas berhak dan mempertahankan sepenuhnya berkenaan dengan sebarang tuntutan yang tidak dilepaskan.

Pihak yang Melepaskan berjanji untuk tidak menyaman mana-mana Pihak yang Dilepaskan bagi sebarang transaksi, peristiwa, keadaan, tindakan, kegagalan untuk bertindak, atau kejadian sebarang macam atau jenis yang timbul dari atau berkaitan dengan Tindakan atau Tuntutan yang dilepaskan [dalam perenggan sebelumnya]. Perenggan ini tidak diguna pakai pada sebarang tindakan untuk menguatkuasakan Perjanjian Penyelesaian [Lufthansa]. . . .

[Pelepasan yang diterangkan di atas dan waad yang diterangkan di atas] membentuk pelepasan penuh dan muktamad oleh Pihak yang Melepaskan.

Pelepasan ini ... membentuk penepian bagi Section 1542 of the California Civil Code and Section 20-7-11 of the South Dakota Codified Laws (Seksyen 1542 dari Kanun Sivill California dan Seksyen 20-7-11 dari Undang-Undang Berkanun South Dakota), yang setiap satunya memberikan bahawa "[a] pelepasan umum tidak melanjutkan tuntutan yang si piutang tidak ketahui atau syaki wujud atas namanya sewaktu pelaksanaan pelepasan, yang jika diketahui olehnya pasti amat menjejaskan penyelesaiannya dengan penghutang," dan penepian bagi sebarang peruntukan, statut, pengawalan, peraturan atau prinsip undang-undang atau ekuiti yang serupa bagi mana-mana negeri atau bidang kuasa yang berkaitan. Berhubung dengan penepian dan pelepasan yang dikemukakan dalam perenggan ini, Plaintiff dan setiap Ahli Kelas Penyelesaian mengakui bahawa mereka mengetahui bahawa mereka boleh kemudian dari ini memperoleh fakta selain dari, atau berbeza daripada, fakta-fakta tersebut yang mereka ketahui atau percayai benar berkaitan dengan isi Perjanjian Penyelesaian [Lufthansa], tetapi bahawa itu adalah niat mereka ... untuk melepaskan sepenuhnya, secara muktamad dan selama-lamanya segala Tuntutan yang dilepaskan [dalam pelepasan yang dinyatakan di atas], dan untuk melanjutkan niat sedemikian, pelepasan ini harus dan kekal berkuat kuasa meskipun terdapat penemuan atau kewujudan sebarang fakta tambahan atau perbezaan fakta.

* * * * *

Perjanjian Penyelesaian Lufthansa tidak menyelesaikan atau bertolak ansur dengan sebarang Tuntutan selain dari yang dinyatakan di dalam ini. Semua hak bagi mana-mana Ahli Kelas Penyelesaian Lufthansa terhadap defendan atau rakan komplot dahulu, sekarang atau akan datang, mana-mana bekas pekerja, pegawai atau pengarah Lufthansa yang bertekad menolak untuk bekerjasama dengan permintaan wajar untuk temu bual, pengisytiharan atau affidavit, deposisi atau testimoni perbicaraan oleh Peguam Kelas Penyelesaian, atau mana-mana orang atau entiti lain selain dari Pihak Dilepaskan adalah disimpan secara khusus oleh Plaintiff dan Ahli Kelas Penyelesaian Lufthansa.

III. TINDAKAN KELAS KANADA

Termasuk dalam mel ini ialah notis mengenai penyelesaian tindakan kelas Kanada dengan Lufthansa ("Penyelesaian Lufthansa Kanada"). Penyelesaian Lufthansa Kanada berkaitan dengan: Semua orang dan entiti yang membeli Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara dari sebarang pengangkut kargo udara untuk pengiriman dalam, ke, atau dari Kanada semasa tempoh dari Januari 1, 2000 hingga September 11, 2006, termasuk orang dan entiti yang membeli Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara melalui pengirim muatan.

Walau bagaimanapun, semua pengiriman muatan kargo udara dari Kanada ke Amerika Syarikat dan dari Amerika Syarikat ke Kanada akan ditentukan oleh Penyelesaian Lufthansa Amerika Syarikat yang dibincangkan di sini, dan bukan Penyelesaian Lufthansa Kanada.

IV. PILIHAN YANG TERSEDIA UNTUK AHLI KELAS DI BAWAH PENYELESAIAN INI

A. Kekal dalam Kelas Penyelesaian Lufthansa dan Serahkan Borang Tuntutan

Jika anda ialah orang atau entiti yang tergolong dalam takrif Kelas Penyelesaian Lufthansa yang didapati dalam Seksyen I (C) di atas, maka anda akan menjadi Ahli Kelas Penyelesaian Lufthansa melainkan anda memilih untuk dikecualikan. Sebagai Ahli Kelas Penyelesaian Lufthansa, kepentingan anda akan diwakili oleh plaintif perwakilan dan Peguam Kelas Penyelesaian. Walau bagaimanapun, anda boleh meminta peguam anda sendiri hadir bagi pihak anda atas perbelanjaan anda.

Jika anda menerima Notis ini melalui mel, anda juga menerima Borang Tuntutan. Jika anda menyemak Notis ini dalam talian, atau menerima satu salinan melalui apa-apa cara selain dari melalui mel daripada Pentadbir Tuntutan Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara), anda boleh meminta Borang Tuntutan dalam talian di www.aircargosettlement.com, atau dengan menelefon Pentadbir Tuntutan Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara): A.S. & Kanada (Bebas-Tol) di 1 (800) 749-3518; atau Antarabangsa (Tol) di 1 (941) 906-4822. Senarai lengkap nombor telefon bebas-tol dan tol Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara) menurut negara dilampirkan dalam surat Notis ini, dan senarai tersebut juga tersedia dalam talian. Anda juga boleh meminta Borang Tuntutan dengan menulis kepada Pentadbir Tuntutan Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara) di Air Cargo Settlement, c/o The Garden City Group, Inc., P.O. Box 9162, Dublin, OH 43017-4162, USA.

Borang Tuntutan yang lengkap mesti dikembalikan kepada Pentadbir Tuntutan Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara) di Air Cargo Settlement, c/o The Garden City Group, Inc., P.O. Box 9162, Dublin, OH 43017-4162, USA. Ia mesti dicap pos tidak lewat daripada Februari 12, 2009. Jika anda gagal menghantar Borang Tuntutan yang dialamatkan dengan betul dan tepat pada masanya, tuntutan anda mungkin ditolak dan anda mungkin dihalang daripada sebarang pemerolehan daripada Tabung Penyelesaian Lufthansa.

B. Mengecualikan Diri Anda daripada Kelas Penyelesaian Lufthansa

Untuk mengecualikan diri anda daripada Kelas Penyelesaian Lufthansa, anda mesti menyerahkan permintaan bertulis yang mesti menyatakan dengan jelas:

- (1) **nama, alamat dan nombor telefon anda;**
- (2) **semua nama dagang atau nama perniagaan dan alamat yang anda dan perniagaan anda gunakan, serta sebarang syarikat induk, anak syarikat atau ahli gabungan yang telah membeli Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara pada bila-bila masa semasa tarikh Januari 1, 2000 hingga September 11, 2006 yang juga meminta untuk dikecualikan daripada Kelas Penyelesaian Lufthansa;**

SOALAN? HUBUNGI A.S. & KANADA (BEBAS TOL) 1(800) 749-3518;
ANTARABANGSA (TOL): 1(941) 906-4822; ATAU LAWATI www.aircargosettlement.com
Senarai lengkap nombor telefon bebas tol dan bertol Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara) mengikut negara dilampirkan dengan Notis ini, dan senarai ini boleh didapati dengan melawai laman web.

- (3) nama Tindakan (*In re Air Cargo Shipping Services Antitrust Litigation*) (*Berkeaan Dengan Litigasi Antitrust Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara*);
- (4) satu kenyataan bertulis yang "Saya/kami dengan ini meminta agar saya/kami dikecualikan daripada Kelas Penyelesaian Lufthansa dalam *Air Cargo Shipping Services Antitrust Litigation (Litigasi Antitrust Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara), MDL 1775*"; dan
- (5) anda juga diminta untuk mengenal pasti semua pengangkut udara yang daripadanya anda telah membeli Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara dan menganggarkan amaun jumlah yang anda bayar untuk Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara dari Januari 1, 2000 hingga September 11, 2006.

Permintaan untuk pengecualian daripada Penyelesaian Lufthansa mesti dihantar dengan mel Kelas Pertama (anda diminta, tetapi tidak dikehendaki, menyerahkan permintaan pengecualian anda dengan mel disahkan), dicap pos tidak lewat daripada November 12, 2008, kepada:

Air Cargo Settlement
c/o The Garden City Group, Inc.
P.O. Box 9162
Dublin, OH 43017-4162 USA

Agar dapat dikecualikan daripada Kelas Penyelesaian Lufthansa, anda mesti meminta pengecualian tepat pada masanya dalam cara yang dikemukakan di sini walaupun anda telah memfailkan atau berniat untuk memfailkan tuntutan mahkamah anda sendiri terhadap mana-mana Defendan berdasarkan tuntutan yang timbul daripada pengendalian isu dalam litigasi ini.

Jika anda mengecualikan diri anda daripada Kelas Penyelesaian Lufthansa, anda tidak akan terikat dengan Perjanjian Penyelesaian Lufthansa dan secara bebas boleh mengemukakan tuntutan yang mungkin ada terhadap Lufthansa atas perbelanjaan anda sendiri. Walau bagaimanapun, jika anda mengecualikan diri anda, anda tidak layak untuk berkongsi dalam Tabung Penyelesaian Lufthansa. Maklumat mengenai pengecualian juga terdapat di laman web Penyelesaian, www.aircargosettlement.com.

C. Membantah Terma Penyelesaian

Jika anda tidak meminta pengecualian daripada Kelas Penyelesaian Lufthansa dan anda membantah penyelesaian tersebut, anda boleh hadir sendiri atau melalui peguam (atas perbelanjaan anda sendiri), semasa Pembicaraan Kesaksamaan untuk membentangkan keterangan atau hujah yang Mahkamah dapati wajar dan berkaitan.

Agar bantahan anda dapat dipertimbangkan oleh Mahkamah, anda mesti menyerahkan bantahan bertulis yang termasuk:

- (1) **notis bagi niat untuk hadir;**
- (2) **bukti keahlian dalam Kelas Penyelesaian Lufthansa; dan**
- (3) **alasan khusus bagi bantahan dan sebarang sebab mengapa anda ingin hadir dan didengar, serta semua dokumen atau bahan penulisan yang anda mahu pihak Mahkamah pertimbangkan.**

SOALAN? HUBUNGI A.S. & KANADA (BEBAS TOL) 1(800) 749-3518;
ANTARABANGSA (TOL): 1(941) 906-4822; ATAU LAWATI www.aircargosettlement.com
Senarai lengkap nombor telefon bebas tol dan bertol Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara) mengikut negara dilampirkan dengan Notis ini, dan senarai ini boleh didapati dengan melawai laman web.

Bantahan bertulis sedemikian harus difailkan kepada Mahkamah dan dihantar kepada Peguam Kelas Penyelesaian dan Peguam Lufthansa di alamat yang diberikan di bawah dalam Seksyen VII, tidak lewat daripada November 12, 2008. Sesiapa yang gagal membantah dari segi ini akan dianggap telah mengetepikan bantahannya dan selama-lamanya akan dilarang daripada membuat sebarang bantahan sedemikian dalam Tindakan atau dalam sebarang tindakan atau prosiding lain, melainkan sebaliknya diberi kebenaran atas sebab yang munasabah, seperti yang ditentukan oleh Mahkamah.

D. Tidak Melakukan Apa-Apa

Jika anda tidak mengecualikan diri anda dari Kelas Penyelesaian Lufthansa dan anda juga tidak menghantar Borang Tuntutan, anda tidak akan layak untuk menerima bayaran daripada Tabung Penyelesaian Lufthansa dan anda akan melepaskan Lufthansa daripada tuntutan yang diterangkan dalam Pelepasan.

V. PLAN OF ALLOCATION (RANCANGAN PEMBAHAGIAN)

Mahkamah telah meluluskan rancangan untuk pembahagian bagi Tabung Penyelesaian (ditolak bayaran peguam dan perbelanjaan litigasi yang dibayar balik yang diluluskan oleh Mahkamah antara Ahli Kelas Penyelesaian Lufthansa; cukai dan perbelanjaan berkaitan cukai bagi Tabung Penyelesaian Lufthansa, jika ada; pengurangan bagi pengecualian dijelaskan dalam Seksyen II (B) dari Notis ini; dan perbelanjaan penimbangtaraan, jika ada, dijelaskan dalam Perjanjian Penyelesaian, perenggan 61). Yang berikut ialah ringkasan bagi Plan of Allocation ("POA") (Rancangan Pembahagian ["RP"]).

POA (RP) mengemukakan cara Tabung Penyelesaian Lufthansa (selepas pembayaran bagi bayaran dan perbelanjaan peguam yang diluluskan oleh Mahkamah, dan perbelanjaan lain yang dibenarkan seperti yang dikemukakan di atas) akan dibahagikan dan diagihkan kepada Ahli Kelas Lufthansa yang menyerahkan Borang Tuntutan sah. Kedua-dua pembelian langsung dan tidak langsung Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara dikemukakan dalam POA (RP). Seperti mana yang dikemukakan dalam Seksyen I (C) di atas, "Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara" bermaksud perkhidmatan pengiriman muatan kargo udara untuk penghantaran dalam, ke, atau dari Amerika Syarikat. Untuk tujuan mengira bahagian secara pro rata bagi pemerolehan Ahli Kelas Lufthansa, amaun pembelian dalam mata wang selain dari dolar akan ditukar oleh Pentadbir Tuntutan Penyelesaian kepada amaun dolar yang sama menggunakan kadar pertukaran mata wang yang diguna pakai pada September 11, 2006.

A. Takrif

Pembelian langsung Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara adalah sebarang pembelian perkhidmatan sedemikian oleh orang atau entiti secara langsung daripada pengangkut kargo udara tanpa menggunakan pihak ketiga. Contohnya, pengilang yang membayar kepada pengangkut kargo udara untuk Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara telah membuat pembelian langsung. Pengirim muatan yang membayar kepada pengangkut kargo udara untuk Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara telah membuat pembelian langsung.

Pembelian tidak langsung Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara adalah sebarang pembelian perkhidmatan sedemikian oleh orang atau entiti yang mana bayaran pembeli untuk Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara dibuat kepada orang atau entiti selain dari pengangkut kargo udara yang menyediakan Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara. Contohnya, pengilang yang mengaturkan untuk Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara menggunakan pengirim muatan dan membayar kepada pengirim muatan telah membuat pembelian tidak langsung.

Pembelian Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara untuk kiriman *dari* atau *dalam* Amerika Syarikat ialah pembelian **Keluar**. Pembelian Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara untuk penghantaran *ke* Amerika Syarikat ialah pembelian **Masuk**.

Pembeli A.S. bagi Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara ialah pembeli yang bermastautin di A.S. **Pembeli asing** bagi Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara ialah pembeli yang bermastautin di luar A.S.

B. Pengagihan – Pembelian Tidak Langsung

POA (RP) menguntukkan 82% daripada Tabung Penyelesaian Lufthansa (selepas pembayaran bagi bayaran dan perbelanjaan peguam yang diluluskan oleh Mahkamah, dan perbelanjaan lain yang dibenarkan seperti yang dikemukakan di atas) kepada pembeli langsung bagi Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara ("Tabung Langsung"). Untuk tujuan mengira bahagian Ahli Kelas Lufthansa bagi bahagian Tabung Langsung, pembelian Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara Masuk (iaitu ke Amerika Syarikat) akan bernilai 1.625 kali amaun dolar pembelian sedemikian. Tiada pendarab akan diguna bagi Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara Keluar (iaitu daripada atau dalam Amerika Syarikat). Selepas mengira bahagian awal bagi semua pembeli langsung A.S. dan asing (amaun dolar bagi pembelian langsung bagi Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara), menurut POA (RP) Pentadbir Penyelesaian akan membahagikan pihak menuntut pembeli langsung kepada dua kumpulan: Pembeli langsung A.S. dan pembeli langsung asing. Bahagian awal yang diperuntukkan kepada pihak menuntut pembeli langsung dalam kumpulan pembeli langsung A.S. adalah muktamad. Bahagian Tabung Langsung yang terdiri daripada bahagian awal bagi pembeli langsung A.S. akan diagihkan kepada pihak menuntut pembeli langsung A.S. yang menyerahkan Borang Tuntutan sah dengan kadar yang sama dengan amaun pembelian mereka yang ditentukan.

Bahagian awal yang diperuntukkan kepada pihak menuntut pembeli langsung asing akan ditambah bersama untuk mewujudkan Tabung Asing. Tabung Asing selanjutnya diagihkan seperti berikut: 85 peratus kepada pembeli langsung asing ("Tabung Langsung Asing") dan 15 peratus kepada pembeli tidak langsung asing ("Tabung Tidak Langsung Asing"). Untuk tujuan mengira bahagian Ahli Kelas Lufthansa akhir bagi Tabung Langsung Asing dan Tabung Tidak Langsung Asing, Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara Masuk (iaitu ke Amerika Syarikat) akan bernilai 1.625 kali amaun dolar bagi pembelian sedemikian. Tiada pendarab akan diguna bagi Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara Keluar (iaitu daripada atau dalam Amerika Syarikat). Selepas amaun dolar bagi pembelian langsung asing bagi Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara ditentukan, peratusan yang diperuntukkan bagi perolehan sedemikian akan diagih-agihkan daripada Tabung Asing kepada pihak menuntut pembeli langsung asing yang menyerahkan Borang Tuntutan sah dengan kadar yang sama dengan amaun pembelian mereka yang ditentukan.

C. Pengagihan – Pembelian Tidak Langsung

Selepas amaun dolar bagi pembelian tidak langsung asing bagi Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara ditentukan seperti yang dikemukakan dalam POA (RP) sebagaimana yang dijelaskan di atas, peratusan yang diperuntukkan bagi perolehan sedemikian akan diagih-agihkan daripada Tabung Tidak Langsung Asing kepada pihak menuntut pembeli tidak langsung asing yang menyerahkan Borang Tuntutan sah dengan kadar yang sama dengan amaun pembelian mereka yang ditentukan. Sebarang wang yang tinggal dalam Tabung Tidak Langsung Asing, seperti yang ditentukan oleh Mahkamah, selepas pembayaran bagi semua tuntutan pembeli tidak langsung asing yang sah akan ditambah kepada Tabung Tidak Langsung Asing untuk pengagihan kepada para pembeli tidak langsung asing.

Baki 18% daripada Tabung Penyelesaian Lufthansa (selepas pembayaran bayaran dan perbelanjaan peguam yang diluluskan oleh Mahkamah) telah diperuntukkan kepada pembeli tidak langsung A.S. bagi Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara. Bagi tujuan mengira bahagian Ahli Kelas Lufthansa akhir daripada bahagian Tabung Penyelesaian Lufthansa kepada pembeli tidak langsung A.S. bagi Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara, Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara Masuk (iaitu ke Amerika Syarikat) akan bernilai 1.625 kali amaun dolar bagi pembelian sedemikian. Tiada pendarab akan diguna bagi Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara Keluar (iaitu daripada atau dalam Amerika Syarikat). Selepas amaun dolar untuk pembelian tidak langsung bagi Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara ditentukan, Tabung Tidak Langsung akan diagih-agihkan kepada Ahli Kelas Lufthansa yang telah menyerahkan Borang

SOALAN? HUBUNGI A.S. & KANADA (BEBAS TOL) 1(800) 749-3518;

ANTARABANGSA (TOL): 1(941) 906-4822; ATAU LAWATI www.aircargosettlement.com

Senarai lengkap nombor telefon bebas tol dan bertol Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara) mengikut negara dilampirkan dengan Notis ini, dan senarai ini boleh didapati dengan melawai laman web.

Tuntutan sah dengan kadar yang sama dengan amaun pembelian mereka. Selagi Tabung Tidak Langsung belum habis, baki yang tinggal akan ditambah kepada Tabung Langsung untuk diagih-agihkan kepada para pembeli langsung.

VI. BAYARAN DAN KOS PEGUAM

Setakat ini, peguam yang mewakili Plaintiff dan Kelas yang dicadangkan (termasuk Kelas Penyelesaian Lufthansa) dalam Tindakan ini belum menerima bayaran bagi perkhidmatan mereka atau bayaran balik bagi perbelanjaan mereka. Sebagaimana yang dicatat sebelumnya, anda tidak bertanggungjawab secara peribadi terhadap bayaran atau perbelanjaan peguam. Sebagai pampasan bagi waktu mereka dan risiko dalam membuat dakwaan litigasi di mahkamah berdasarkan bayaran bergantung sepenuhnya, Peguam Kelas Penyelesaian akan meminta keputusan Mahkamah agar memberi bayaran peguam – ditolak dari Tabung Penyelesaian Lufthansa – dalam jumlah yang tidak melebihi 30% daripada Tabung Penyelesaian Lufthansa, serta bayaran balik bagi perbelanjaan mereka yang sebenarnya dibuat dalam pendakwaan litigasi, yang tidak akan melebihi \$2.5 juta.

VII. PEMBICARAAN KESAKSAMAAN DAN HAK UNTUK MEMBANTAH

Mahkamah telah menjadualkan "Pembicaraan Kesaksamaan" pada tanggal Disember 12, 2008 pada jam 11:30 pagi untuk dijalankan di Bilik Mahkamah Ceremonial di United States District Court for the Eastern District of New York (Mahkamah Daerah Amerika Syarikat untuk Daerah Timur New York), United States Courthouse, 225 Cadman Plaza East, Brooklyn, NY 11201. Semasa Pembicaraan Kesaksamaan, Mahkamah akan menentukan jika cadangan Penyelesaian Lufthansa adalah adil, wajar dan memadai. Mahkamah juga akan mempertimbangkan permintaan Peguam Kelas bagi bayaran peguam dan perbelanjaan litigasi semasa Pembicaraan Kesaksamaan. Waktu dan tarikh Pembicaraan Kesaksamaan boleh diteruskan dari masa ke masa tanpa notis lanjut dan anda dinasihatkan agar mengesahkan waktu dan lokasi yang anda ingin hadiri.

Jika anda tidak mengecualikan diri anda dari Kelas Penyelesaian Lufthansa, anda berhak hadir, sendiri atau melalui peguam diberi kuasa seperti yang sepatutnya, dan untuk menunjukkan sebab mengapa Perjanjian Penyelesaian Lufthansa atau permohonan-permohonan lain tidak atau tidak harus diluluskan sebagai adil, wajar dan memadai. Walau bagaimanapun, jika anda ingin hadir, anda harus serahkan kenyataan bertulis, berserta sebarang bahan yang anda mahu Mahkamah pertimbangkan, yang mesti diterima oleh Mahkamah (dialamatkan kepada Kerani Mahkamah di alamat yang diberikan di atas) sebelum November 12, 2008, dan mesti dihantar kepada Peguam Kelas Penyelesaian dan Peguam Lufthansa di:

Peguam untuk Deutsche Lufthansa AG, Lufthansa Cargo AG, dan Swiss International Air Lines Ltd.

Eric J. Mahr Natalya K. Scimeca WILMER CUTLER PICKERING HALE AND DORR LLP 1875 Pennsylvania Avenue, N.W. Washington, D.C. 20006 (202) 663-6000 Eric.Mahr@wilmerhale.com Natalya.Scimeca@wilmerhale.com
--

SOALAN? HUBUNGI A.S. & KANADA (BEBAS TOL) 1(800) 749-3518;
ANTARABANGSA (TOL): 1(941) 906-4822; ATAU LAWATI www.aircargosettlement.com
*Senarai lengkap nombor telefon bebas tol dan bertol Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara) mengikut negara
dilampirkan dengan Notis ini, dan senarai ini boleh didapati dengan melawai laman web.*

Pegum Kelas Penyelesaian

<p>Michael D. Hausfeld COHEN, MILSTEIN, HAUSFELD & TOLL P.L.L.C. 1100 New York Avenue, N.W., Suite 500 West Washington, D.C. 20005 (202) 408-4600 mhausfeld@CMHT.com</p> <p>Robert N. Kaplan KAPLAN FOX & KILSHEIMER LLP 850 Third Avenue New York, NY 10022 (212) 687-1980 rkaplan@kaplanfox.com</p> <p>Henry A. Cirillo THE FURTH FIRM LLP 225 Bush Street, 15th Floor San Francisco, CA 94104 (415) 433-2070 hcirillo@furth.com</p> <p>Steven N. Williams (SW-6198) COTCHETT, PITRE & MCCARTHY 840 Malcolm Road, Suite 200 Burlingame, CA 94010 (650) 697-6997 swilliams@cpmlegal.com</p>	<p>Hollis Salzman LABATON SUCHAROW LLP 140 Broadway New York, NY 10005 (212) 907-0700 hsalzman@labaton.com</p> <p>Howard J. Sedran LEVIN, FISHBEIN, SEDRAN & BERMAN 510 Walnut Street Philadelphia, PA 19106 (215) 592-1500 hsedran@lfsblaw.com</p> <p>W. Joseph Bruckner LOCKRIDGE GRINDAL NAUEN P.L.L.P. 100 Washington Avenue South, Suite 2200 Minneapolis, MN 55401 (612) 339-6900 wjbruckner@locklaw.com</p> <p>Christopher Lovell LOVELL STEWART HALEBIAN LLP 500 Fifth Avenue, Suite 58 New York, NY 10110 (212) 608-1900 clovell@lshllp.com</p>
--	--

VIII. PERUBAHAN ALAMAT

Jika Notis ini sampai kepada anda di alamat selain dari yang di mencetak pada Borang Tuntutan, atau jika alamat anda berubah, sila masukkan maklumat semasa anda dalam talian di www.aircargosettlement.com, atau hantar kepada Pentadbir Tuntutan Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara) di:

Air Cargo Settlement
c/o The Garden City Group, Inc.
P.O. Box 9162
Dublin, OH 43017-4162 USA

SOALAN? HUBUNGI A.S. & KANADA (BEBAS TOL) 1(800) 749-3518;
ANTARABANGSA (TOL): 1(941) 906-4822; ATAU LAWATI www.aircargosettlement.com
*Senarai lengkap nombor telefon bebas tol dan bertol Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara) mengikut negara
dilampirkan dengan Notis ini, dan senarai ini boleh didapati dengan melawai laman web.*

IX. PENTADBIR TUNTUTAN AIR CARGO SETTLEMENT (PENYELESAIAN KARGO UDARA)

Maklumat lanjut mengenai Penyelesaian Lufthansa boleh diperolehi pada laman web penyelesaian rasmi di www.aircargosettlement.com. Jika jawapan bagi soalan anda tidak dapat dicari pada laman web, anda boleh hubungi Pentadbir Tuntutan Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara) melalui e-mel: Anda juga boleh hubungi Pentadbir Tuntutan Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara) melalui telefon. Di A.S. dan Kanada, anda boleh hubungi bebas tol 1 (800) 749-3518. Caj tol dikenakan jika anda memanggil nombor bebas tol A.S. dan Kanada dari lokasi luar dari negara tersebut. Dari lokasi selain A.S. dan Kanada, anda boleh telefon nombor berikut: 1 (941) 906-4822. Caj tol dikenakan bagi panggilan yang dibuat ke nombor telefon ini. Lihat senarai nombor bebas tol dan bertol yang disertakan menurut negara untuk Pentadbir Tuntutan Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara). Anda juga boleh menulis kepada Pentadbir Tuntutan Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara) di alamat berikut:

**Air Cargo Settlement
c/o The Garden City Group, Inc.
P.O. Box 9162
Dublin, OH 43017-4162 USA**

Notis ini juga terdapat dalam banyak lagi bahasa tambahan. Jika anda perlukan bahan-bahan ini dalam bahasa selain Inggeris, sila lawati laman web, hubungi talian telefon maklumat, tulis kepada Pentadbir Tuntutan Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara) Udara di alamat di atas, atau hantar e-mel kepada administrator@aircargosettlement.com.

X. MAKLUMAT TAMBAHAN

Perjanjian Penyelesaian Lufthansa dan dokumen-dokumen lain yang difailkan dalam Tindakan ini ada terdapat dalam talian, di www.aircargosettlement.com, dan juga boleh disemak semasa waktu perniagaan biasa di pejabat Kerani Mahkamah, United States District Court for the Eastern District of New York, 225 Cadman Plaza East, Brooklyn, NY 11201. Jika anda mempunyai soalan mengenai Notis ini atau Perjanjian Penyelesaian Lufthansa, anda boleh hubungi mana-mana Peguam Kelas Penyelesaian yang disenaraikan di bawah di alamat berikut:

SOALAN? HUBUNGI A.S. & KANADA (BEBAS TOL) 1(800) 749-3518;
ANTARABANGSA (TOL): 1(941) 906-4822; ATAU LAWATI www.aircargosettlement.com
*Senarai lengkap nombor telefon bebas tol dan bertol Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara) mengikut negara
dilampirkan dengan Notis ini, dan senarai ini boleh didapati dengan melawati laman web.*

Michael D. Hausfeld
**COHEN, MILSTEIN, HAUSFELD &
TOLL P.L.L.C.**
1100 New York Avenue, N.W.,
Suite 500 West
Washington, D.C. 20005
(202) 408-4600
mhausfeld@CMHT.com

Robert N. Kaplan
KAPLAN FOX & KILSHEIMER LLP
850 Third Avenue
New York, NY 10022
(212) 687-1980
rkaplan@kaplanfox.com

Henry A. Cirillo
THE FURTH FIRM LLP
225 Bush Street, 15th Floor
San Francisco, CA 94104
(415) 433-2070
hcirillo@furth.com

Steven N. Williams (SW-6198)
COTCHETT, PITRE & MCCARTHY
840 Malcolm Road, Suite 200
Burlingame, CA 94010
(650) 697-6997
swilliams@cpmlegal.com

Hollis Salzman
LABATON SUCHAROW LLP
140 Broadway
New York, NY 10005
(212) 907-0700
hsalzman@labaton.com

Howard J. Sedran
LEVIN, FISHBEIN, SEDRAN & BERMAN
510 Walnut Street
Philadelphia, PA 19106
(215) 592-1500
hsedran@lfsblaw.com

W. Joseph Bruckner
LOCKRIDGE GRINDAL NAUEN P.L.L.P.
100 Washington Avenue South, Suite 2200
Minneapolis, MN 55401
(612) 339-6900
wjbruckner@locklaw.com

Christopher Lovell
LOVELL STEWART HALEBIAN LLP
500 Fifth Avenue, Suite 58
New York, NY 10110
(212) 608-1900
clovell@lshllp.com

JANGAN HUBUNGI HAKIM ATAU KERANI MAHKAMAH

Bertarikh: April 4, 2008

MENURUT PERINTAH MAHKAMAH

Clerk of Court
United States District Court
for the Eastern District of New York
United States Courthouse
225 Cadman Plaza East
Brooklyn, NY 11201

SOALAN? HUBUNGI A.S. & KANADA (BEBAS TOL) 1(800) 749-3518;
ANTARABANGSA (TOL): 1(941) 906-4822; ATAU LAWATI www.aircargosettlement.com
*Senarai lengkap nombor telefon bebas tol dan bertol Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara) mengikut negara
dilampirkan dengan Notis ini, dan senarai ini boleh didapati dengan melawai laman web.*

NUTECH BRANDS INC. v. (lwn.) AIR CANADA CARGO et al	Ontario Superior Court of Justice (Mahkamah Tinggi Keadilan Ontario) Court File No. 50389CP (No. Fail Mahkamah 50389CP)
KAREN McKAY v. (lwn.) ACE AVIATION HOLDING INC. et al	Supreme Court of British Columbia (Mahkamah Agung British Columbia) Vancouver Registry No. S-067490 (No. Daftar Vancouver S-067490)
CARTISE SPORTS INC. v. (lwn.) DEUTSCHE LUFTHANSA AG et al	Québec Superior Court (Mahkamah Tinggi Québec) 500-06-000344-065

**NOTIS CADANGAN PENYELESAIAN
BAGI TINDAKAN KELAS KANADA DENGAN DEFENDAN
DEUTSCHE LUFTHANSA AG, LUFTHANSA CARGO AG,
DAN SWISS INTERNATIONAL AIR LINES LTD.**

**NOTIS INI BOLEH MENJEJASKAN AK ANDA
SILA BACA DENGAN TELITI**

KEPADA: Semua orang dan entiti yang membeli perkhidmatan pengiriman kargo udara daripada mana-mana pengangkut kargo udara bagi muatan dalam, ke, atau dari Kanada (kecuali muatan di antara Kanada dan Amerika Syarikat) sepanjang tempoh daripada Januari 1, 2000 ke September 11, 2006, termasuk orang dan entiti yang membeli perkhidmatan pengiriman kargo udara melalui pengangkut muatan.

Notis ini ditujukan kepada anda kerana hak undang-undang anda boleh terjejas dengan penyelesaian tuntutan mahkamah tindakan kelas tertentu yang belum selesai di Kanada terhadap Deutsche Lufthansa AG, Lufthansa Cargo AG, dan Swiss International Air Lines Ltd. (sepanjang notis ini, ketiga-tiga syarikat ini akan dirujuk sebagai "Lufthansa"). Tuntutan mahkamah ini difailkan oleh plaintif tertentu bagi pihak anda dan anggota kelas lain yang membeli perkhidmatan pengiriman kargo udara dari Lufthansa bagi muatan dalam, ke, atau dari Kanada (kecuali muatan di antara Kanada dan Amerika Syarikat). Tuntutan mahkamah mendakwa bahawa Lufthansa, dan beberapa pengangkut kargo udara lain, berkomplot untuk menetapkan harga perkhidmatan pengiriman kargo udara bertentangan dengan undang-undang persaingan Kanada. Lufthansa terlibat dalam Perjanjian Penyelesaian dengan plaintif Kanada, yang menyertakan, selain perkara lain, bayaran USD \$5,338,000 oleh Lufthansa kepada kelas Kanada, dan peruntukan oleh Lufthansa bagi maklumat yang akan membantu kelas melanjutkan tuntutan mereka terhadap pengangkut kargo udara lain yang terlibat dalam komplot penetapan harga yang didakwa.

Tuntutan mahkamah tindakan kelas yang sama masih belum selesai di Amerika Syarikat. Satu Perjanjian Penyelesaian telah dicapai di Amerika Syarikat di antara plaintif A.S. dan Lufthansa. Jika anda membeli Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara bagi muatan di antara Amerika Syarikat dan Kanada anda termasuk sebagai anggota kelas dalam Perjanjian Penyelesaian A.S. dan anda perlu merujuk kepada Notis Cadangan Penyelesaian Tindakan Kelas A.S. untuk melihat bagaimana hak anda terjejas. Perjanjian Penyelesaian A.S. dan Notis Cadangan Penyelesaian Kelas Tindakan A.S. boleh didapati di www.aircargosettlement.com.

SOALAN? HUBUNGI A.S. & KANADA (BEBAS TOL) 1(800) 749-3518;
ANTARABANGSA (TOL): 1(941) 906-4822; ATAU LAWATI www.aircargosettlement.com
*Senarai lengkap nombor telefon bebas tol dan bertol Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara) mengikut negara
dilampirkan dengan Notis ini, dan senarai ini boleh didapati dengan melawai laman web.*

I. APA DIA TUNTUTAN MAHKAMAH TINDAKAN KELAS?

Tindakan kelas adalah tuntutan mahkamah yang mana tuntutan dan hak ramai orang diputuskan dalam satu prosiding mahkamah yang dibawa oleh plaintif perwakilan. Ini mengelakkan keperluan bagi beratus atau beribu orang untuk memfailkan tuntutan mahkamah individu yang serupa, membolehkan mahkamah menyelesaikan tuntutan ini dengan cara yang lebih efisien dan menjimatkan, dan cuba memastikan orang dengan tuntutan yang serupa diberikan pengadilan yang serupa. Dalam tindakan kelas, mahkamah mempunyai tanggungjawab untuk memastikan yang pendakwaan dan resolusi tuntutan kelas oleh plaintif perwakilan dan peguam yang mewakili kelas tersebut (di sini, kerana Penyelesaian telah dicapai, "Peguam Kelas Penyelesaian") adalah adil. Anggota Kelas Penyelesaian TIDAK bertanggungjawab secara individu ke atas kos atau bayaran bagi Peguam Kelas Penyelesaian, yang tertakluk kepada award daripada mahkamah. Dalam kes ini, kos dan bayaran seumpamanya akan dibayar daripada Tabung Penyelesaian.

II. GAMBARAN KESELURUHAN TUNTUTAN MAHKAMAH TINDAKAN KELAS KANADA

Tuntutan mahkamah tindakan kelas terhadap Lufthansa masih belum selesai di tiga mahkamah berasingan di Kanada: Supreme Court of British Columbia (Mahkamah Agung British Columbia), Ontario Superior Court of Justice (Mahkamah Tinggi Keadilan Ontario), dan Québec Superior Court (Mahkamah Tinggi Québec) (secara berkumpulan "Tindakan Kelas Kanada"). Plaintif mendakwa yang Lufthansa dan Defendan lain terlibat dalam satu komplot untuk menetapkan, meningkatkan, mengekalkan, atau menstabilkan harga perkhidmatan pengiriman kargo udara, melalui beberapa mekanisme, termasuk, antara lain, mengenakan cukai terhadap bayaran tambahan yang telah dinaikkan harga, secara bersama bersetuju untuk menghapus atau menghalang pendiskaunan harga yang dikenakan untuk pengiriman kargo udara, dan bersetuju dengan tuaian dan pembahagian pelanggan. Plaintif mendakwa bahawa, sebagai akibat, mereka dan Anggota Kelas Penyelesaian Kanada membayar dengan tentu lebih daripada apa yang mereka perlu bayar bagi perkhidmatan pengiriman kargo udara dengan ketiadaan tindakan yang didakwa ini.

Tindakan Kelas Kanada terlibat besar dengan bayaran tambahan yang dikenakan oleh Defendan. Bayaran tambahan adalah bayaran, sebagai tambahan kepada kadar biasa pengiriman kargo udara, yang dikenakan oleh pengangkut kargo udara terhadap pelanggan, dengan tujuan untuk mengganti rugi pengangkut kargo udara untuk kos luar tertentu, termasuk, contohnya, kos meningkat bagi minyak dan kos meningkat berkaitan dengan langkah keselamatan yang diambil selepas serangan September 2001 di Amerika Syarikat. Plaintif mendakwa bahawa Defendan terlibat dalam komplot untuk menetapkan harga bayaran tambahan ini, termasuk tuaian yang dikumpul oleh Defendan.

Peguam Lufthansa dan Peguam Kelas Penyelesaian Kanada masing-masing menjalankan penyiasatan secara menyeluruh dan analisis ekonomi berkenaan kerugian yang kononnya ditanggung oleh Kelas Penyelesaian disebabkan tindakan Defendan yang tertuduh. Kesudahannya, Plaintif memperoleh maklumat penting berkenaan tuntutan dan pembelaan dalam kes ini sebelum pelaksanaan Perjanjian Penyelesaian Kanada.

III. RINGKASAN PERJANJIAN PENYELESAIAN KANADA YANG DICADANGKAN

Huraian Perjanjian Penyelesaian Kanada yang dicadangkan berikut hanyalah satu ringkasan. Perjanjian Penyelesaian Kanada boleh dilihat di laman web yang dicipta untuk Penyelesaian ini (www.aircargosettlement.com).

SOALAN? HUBUNGI A.S. & KANADA (BEBAS TOL) 1(800) 749-3518;

ANTARABANGSA (TOL): 1(941) 906-4822; ATAU LAWATI www.aircargosettlement.com

Senarai lengkap nombor telefon bebas tol dan bertol Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara) mengikut negara dilampirkan dengan Notis ini, dan senarai ini boleh didapati dengan melawai laman web.

A. Proses Kelulusan Perjanjian Penyelesaian

Ketiga-tiga Mahkamah Kanada mesti meluluskan Perjanjian Penyelesaian Kanada ini sebelum ia dikuatkuasakan. Setiap Mahkamah akan mengadakan perbicaraan umum di mana hujah akan dibuat tentang mengapa Perjanjian Penyelesaian Kanada patut diluluskan. Pelaksanaan Perjanjian Penyelesaian Kanada bergantung pada kelulusan Perjanjian Penyelesaian A.S. di U.S. Court (Mahkamah A.S.) Sekiranya Perjanjian Penyelesaian A.S. tidak diluluskan oleh U.S. Court (Mahkamah A.S.), Plaintiff Kanada dan Lufthansa masing-masing boleh memilih untuk menamatkan Perjanjian Penyelesaian Kanada.

B. Gambaran Keseluruhan Perjanjian Penyelesaian Kanada

1. Keahlian Kelas Penyelesaian dan Perwakilan

Perjanjian Penyelesaian Kanada mencipta tiga Kelas Penyelesaian. Setiap Kelas Penyelesaian terletak di bawah bidang kuasa satu Mahkamah. Dengan demikian, orang biasa dan perundangan yang menetap di British Columbia jatuh dalam Kelas Tindakan British Columbia dan bidang kuasa Supreme Court of British Columbia (Mahkamah Agung British Columbia); orang biasa dan perundangan yang menetap di Québec (termasuk syarikat dengan 50 orang pekerja atau kurang) membentuk Kelas Penyelesaian Québec dan jatuh dalam bidang kuasa Québec Superior Court (Mahkamah Tinggi Québec); dan orang biasa dan perundangan tidak termasuk anggota Kelas Penyelesaian British Columbia Settlement Class atau Kelas Penyelesaian Québec jatuh dalam Kelas Penyelesaian Ontario dan di bawah bidang kuasa Ontario Superior Court of Justice (Mahkamah Tinggi Keadilan Ontario).

Secara berkumpulan, Kelas Penyelesaian British Columbia, Kelas Penyelesaian Québec, dan Kelas Penyelesaian Ontario menggolongkan:

Semua orang yang membeli Perkhidmatan Pengiriman Pengangkutan Udara ke, dari, atau dalam Kanada dalam tempoh daripada Januari 1, 2000 hingga September 11, 2006, termasuk Orang yang membeli Perkhidmatan Pengiriman Pengangkutan Udara melalui pengangkut muatan, daripada mana-mana pengangkut kargo udara, termasuk tanpa had, Defendan, dan khususnya termasuk Lufthansa. Terkecuali daripada Kelas Penyelesaian adalah Defendan dan ibu bapa mereka masing-masing, pekerja, subsidiari, anggota gabungan, pegawai dan pengarah.

Untuk menjadi anggota bagi satu atau lebih Kelas Penyelesaian anda mesti telah membuat sekurang-kurangnya satu pembelian perkhidmatan pengiriman kargo udara dalam tempoh dari Januari 1, 2000 hingga September 11, 2006.

PEMBELIAN PERKHIDMATAN PENGIRIMAN KARGO UDARA BAGI MUATAN ANTARA AMERIKA SYARIKAT DAN KANADA DALAM TEMPOH KELAS PENYELESAIAN JATUH DALAM PERJANJIAN PENYELESAIAN A.S. DAN BUKAN PERJANJIAN PENYELESAIAN KANADA. JIKA ANDA MEMBELI PERKHIDMATAN PENGIRIMAN KARGO UDARA BAGI MUATAN ANTARA AMERIKA SYARIKAT DAN KANADA ANDA ADALAH ANGGOTA KELAS TINDAKAN DALAM KELAS TINDAKAN A.S. DAN ANDA MESTI MERUJUK KEPADA NOTIS CADANGAN PENYELESAIAN UNTUK MELIHAT BAGAIMANA HAK ANDA TERJEJAS.

Firma guaman berikut adalah Peguam bagi Kelas Penyelesaian Kanada ("Peguam Kelas Penyelesaian Kanada"): Siskinds^{LLP}, Sutts, Strosberg^{LLP}, Harrison Pensa^{LLP}, Camp Fiorante Matthews, dan Liebman & Associés.

SOALAN? HUBUNGI A.S. & KANADA (BEBAS TOL) 1(800) 749-3518;

ANTARABANGSA (TOL): 1(941) 906-4822; ATAU LAWATI www.aircargosettlement.com

Senarai lengkap nombor telefon bebas tol dan bertol Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara) mengikut negara dilampirkan dengan Notis ini, dan senarai ini boleh didapati dengan melawai laman web.

2. **Faedah kepada Kelas Penyelesaian daripada Perjanjian Penyelesaian Kanada**

Canadian Penyelesaian Kanada: Tertakluk kepada terma Perjanjian Penyelesaian Kanada, Lufthansa telah bersetuju untuk membayar USD \$5,338,000 kepada Tabung Penyelesaian bagi faedah Kelas Penyelesaian Kanada.

Kerjasama: Di bawah terma Perjanjian Penyelesaian Kanada, Lufthansa memberi kuasa kepada Peguam Kelas Penyelesaian Kanada, dan/atau pakar mereka untuk mengambil bahagian dalam mana-mana prosiding, deposisi, mesyuarat peguam, atau temu soal yang mana Peguam Kelas Penyelesaian A.S. hadir di bawah terma Perjanjian Penyelesaian A.S. dan yang Peguam Kelas Penyelesaian Kanada rasakan munasabah berkaitan dengan perkhidmatan pengiraman kargo udara dalam, ke, atau dari Kanada dalam tempoh yang relevan. Kelas Penyelesaian Kanada juga berhak ke atas mana-mana dan semua barang kerjasama yang telah atau akan disediakan oleh Lufthansa kepada Peguam Kelas Penyelesaian A.S. Sebagai tambahan, Lufthansa akan menyediakan, atas tanggungannya sendiri, pengarah terdahulu atau semasa, pegawai dan pekerja untuk temu soal, deklarasasi dan/atau affidavit, deposisi, and testimoni semasa perbicaraan, di bawah terma khusus yang ditetapkan dalam Perjanjian Penyelesaian Kanada. Lufthansa akan mengusahakan dengan munasabah supaya pengarah terdahulu, pegawai, dan pekerja hadir untuk temu soal, deposisi, dan testimoni perbicaraan dan menyediakan deklarasasi dan/atau affidavit.

Seperti yang digariskan di atas, Lufthansa telah bersetuju untuk menyediakan kerjasama dan sokongan yang menyeluruh untuk litigasi sambungan Kelas Penyelesaian terhadap Defendan yang dinamakan sebagai pihak dalam tuntutan mahkamah.

Lufthansa tidak mengakui sepanjang pelaksanaan Perjanjian Penyelesaian Kanada mana-mana tuduhan tindakan yang menyalahi undang-undang. Jika Penyelesaian tidak dicapai dalam kes ini, Lufthansa akan menegaskan pembelaan terhadap tuntutan Plaintif.

C. **Pelepasan**

JIKA ANDA TIDAK MENGECEUALIKAN DIRI ANDA DARIPADA TINDAKAN KELAS KANADA, APABILA PERJANJIAN PENYELESAIAN DIPUTUSKAN, ANDA AKAN MELEPASKAN LUFTHANSA DARI SEMUA TUNTUTAN YANG BERKAITAN DENGAN KES INI DAN ANDA AKAN TERIKAT KEPADA PELEPASAN DAN/ATAU KOVENAN UNTUK TIDAK MENYAMAN, YANG TERKANDUNG DALAM PERJANJIAN PENYELESAIAN KANADA. ANGGOTA KELAS PENYELESAIAN QUÉBEC YANG TELAH MEMULAKAN PROSIDING ATAU MEMULAKAN PROSIDING DAN GAGAL UNTUK MENERUSKAN PROSIDING TERSEBUT SEBELUM TARIH AKHIR UNTUK PENGECUALIAN DARIPADA KELAS QUÉBEC AKAN DIANGGAP TELAH MEMILIH UNTUK KELUAR.

Pelepasan yang terkandung di dalam Perjanjian Penyelesaian Kanada dikemukakan di bawah:

Dari Tarikh Berkuat kuasa, dan pertimbangan terhadap bayaran Amaun Penyelesaian, dan bagi pertimbangan berharga yang lain yang dikemukakan dalam Perjanjian Penyelesaian, termasuk komitmen Lufthansa untuk memberikan pematuhan berterusan terhadap peruntukan kerjasama bagi Perjanjian Penyelesaian ini yang dikemukakan di sini [Perjanjian ini], Pihak Yang Melepaskan dianggap, dan dengan ini, melepaskan dan membebaskan selamanya Pihak Yang Dilepaskan bagi dan daripada mana-mana dan semua Tuntutan yang timbul daripada atau dalam apa jua cara berkaitan dengan Tuntutan Yang Dilepaskan.

SOALAN? HUBUNGI A.S. & KANADA (BEBAS TOL) 1(800) 749-3518;

ANTARABANGSA (TOL): 1(941) 906-4822; ATAU LAWATI www.aircargosettlement.com

Senarai lengkap nombor telefon bebas tol dan bertol Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara) mengikut negara dilampirkan dengan Notis ini, dan senarai ini boleh didapati dengan melawai laman web.

"Pihak Yang Dilepaskan" bermaksud, secara bersama dan berasingan, secara individu dan berkumpulan, Lufthansa, dan semua pendahulu, pengganti, ibu bapa, subsidiari, divisi, jabatan, anggota gabungan, waris, pelaksana wasiat, pentadbir, sekarang dan terdahulu, langsung atau tidak langsung, dan mana-mana dan semua pegawai, pengarah, pemegang saham, rakan kongsi, agen, peguam, kakitangan, pekerja, dan pemegang serah hak terdahulu, kini, dan akan datang. Tanpa mengambil kira yang disebut di atas, "Pihak Yang Dilepaskan" tidak termasuk mana-mana Defendan lain yang dahulunya atau kini, dinamakan dalam Tindakan atau yang mungkin dinamakan dalam Tindakan pada masa hadapan.

"Pihak Yang Melepaskan" bermaksud, secara individu dan berkumpulan, Plaintiff dan Anggota Kelas Penyelesaian, bagi pihak mereka dan mana-mana orang atau entiti yang menuntut sendiri atau melalui mereka sebagai waris, pentadbir, penerima devis, pendahulu, pengganti, ibu bapa, subsidiari, mana-mana wakil, pemegang saham, rakan kongsi, pengarah, mana-mana pemilik, anggota gabungan, pemegang serah hak, agen, pekerja, kontraktor, peguam, atau syarikat insurans, yang tidak secara sah atau tepat pada masa memilih keluar daripada Tindakan dengan cara dan masa yang ditetapkan di bawah, dan Peguam Kelas, bagi pihak mereka sendiri dan mana-mana orang atau entiti yang menuntut sendiri atau melalui mereka sebagai waris, pentadbir, penerima devis, pendahulu, pengganti, ibu bapa, subsidiari, mana-mana wakil, pemegang saham, rakan kongsi, pengarah, mana-mana pemilik, anggota gabungan, pemegang serah hak, agen, pekerja, kontraktor, peguam, atau syarikat insurans.

"Tuntutan Yang Dilepaskan" bermaksud mana-mana Tuntutan yang timbul daripada, atau dalam apa jua cara berkaitan dengan, penetapan harga atau ganti rugi yang berkaitan dengan Perkhidmatan Pengiriman Pengangkutan Udara (khususnya termasuk, tanpa had Tuntutan yang dalam apa jua cara berkaitan dengan kadar kargo, bayaran tambahan minyak, bayaran tambahan keselamatan, bayaran tambahan kastam, bayaran tambahan risiko peperangan, bayaran tambahan navigasi, komisen, insentif, rebat, kredit, dan tuaian), sama ada berdasarkan undang-undang persekutuan atau negeri, statutori atau common law, atau mana-mana undang-undang, kod, syarat, atau peraturan lain bagi mana-mana Negara atau bidang kuasa lain di seluruh dunia, termasuk Tuntutan yang diketahui atau tidak diketahui, yang disyaki atau tidak disyaki, yang ditegaskan atau tidak ditegaskan, yang dijangka atau tidak dijangka, yang hakiki atau luar jangka, dan yang tertentu atau tidak tertentu (khususnya termasuk, tanpa had Tuntutan yang dalam apa jua cara berkaitan dengan kadar kargo, bayaran tambahan minyak, bayaran tambahan keselamatan, bayaran tambahan kastam, bayaran tambahan risiko peperangan, bayaran tambahan navigasi, komisen, insentif, rebat, kredit, dan tuaian), yang telah, mungkin telah, atau pada masa akan datang mungkin ditegaskan oleh mana-mana Pihak Yang Melepaskan dengan mana-mana tindakan atau prosiding dalam mana-mana mahkamah atau perbincangan, di mana-mana Negara atau bidang kuasa lain di seluruh dunia tanpa mengambil kira teori perundangan, dan tanpa mengambil kira jenis atau jumlah relief atau kerugian yang dituntut. Tiada di dalam ini yang ditafsirkan untuk memasukkan dalam "Tuntutan Yang Dilepaskan" mana-mana Tuntutan yang semata-mata berkaitan dengan tindakan yang timbul selepas Tarikh Pelaksanaan Perjanjian Penyelesaian ini.

SOALAN? HUBUNGI A.S. & KANADA (BEBAS TOL) 1(800) 749-3518;

ANTARABANGSA (TOL): 1(941) 906-4822; ATAU LAWATI www.aircargosettlement.com

Senarai lengkap nombor telefon bebas tol dan bertol Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara) mengikut negara dilampirkan dengan Notis ini, dan senarai ini boleh didapati dengan melawai laman web.

Tanpa mengambil kira Pelepasan yang terkandung dalam Perjanjian Penyelesaian Kanada, bagi Anggota Kelas Penyelesaian yang menetap di mana-mana negeri atau wilayah di mana pelepasan seorang pelaku tort adalah pelepasan semua pelaku tort lain, Perjanjian Penyelesaian Kanada menyatakan yang Anggota Kelas Penyelesaian tidak melepaskan Lufthansa sebaliknya membuat kovenan dan berjanji untuk tidak menyaman, membuat sebarang Tuntutan dalam mana-mana cara atau untuk mengancam, memulakan, atau menyambung mana-mana Tuntutan di mana-mana bidang kuasa terhadap Lufthansa, bagi tuntutan yang berkaitan dengan kes ini.

Perjanjian Penyelesaian Kanada tidak menyelesaikan atau mengandungi mana-mana tuntutan selain Tuntutan Yang Dilepaskan ini terhadap Pihak Yang Dilepaskan Lufthansa. Semua hak mana-mana Anggota Kelas Penyelesaian terhadap Defendan terdahulu, semasa atau akan datang, atau pengkomplot bersama atau mana-mana orang atau entiti lain selain daripada Pihak Yang Dilepaskan adalah secara khusus ditanggungkan oleh Plaintiff dan Anggota Kelas Penyelesaian Kanada.

D. Kos dan Bayaran Peguam Kelas Penyelesaian Kanada

Bayaran, perbelanjaan, dan cukai Peguam Kelas Penyelesaian Kanada akan ditetapkan oleh Mahkamah dan akan dibayar daripada Tabung Penyelesaian Kanada. Amaun yang dituntut untuk yuran Peguam Kelas Penyelesaian Kanada tidak akan melebihi 25% daripada Tabung Penyelesaian Kanada, dengan perbelanjaan dan cukai yang ditanggung hingga tarikh kelulusan penyelesaian diizinkan oleh Mahkamah. Sebagai tambahan, Peguam Kelas Penyelesaian Kanada menyimpan hak untuk membawa usul ke Mahkamah untuk bayaran daripada Tabung Penyelesaian Kanada bagi kos mudarat akan datang yang dikurniakan semaksimum CDN \$500,000 dan perbelanjaan akan datang semaksimum CDN \$500,000.

IV. BAGAIMANA UNTUK MENDAFTAR BAGI MENERIMA MAKLUMAT LANJUT DAN FAEDAH PENYELESAIAN

Peguam Kelas Penyelesaian Kanada mencadangkan untuk meletakkan Tabung Penyelesaian Kanada pada unit amanah untuk faedah masa depan Anggota Kelas Penyelesaian Kanada. Jika anda menerima notis ini melalui pos, anda tidak perlu mengambil langkah untuk memastikan yang maklumat lanjut akan diposkan kepada anda. **Jika, bagaimanapun, anda tidak menerima notis ini melalui pos, anda mesti mendaftar dengan Pentadbir Tuntutan untuk memastikan yang maklumat lanjut akan dihantar kepada anda melalui pos, termasuk notis berkenaan sebarang pembahagian Tabung Penyelesaian Kanada pada masa akan datang.**

Anda boleh mendaftar dalam talian di www.aircargosettlement.com, dengan melengkapkan Borang Pendaftaran Dalam Talian, atau dengan memuat turun dan menghantar melalui pos Borang Pendaftaran anda kepada Air Cargo Settlement, c/o The Garden City Group, Inc., P.O. Box 9162, Dublin, OH, 43017-4162, USA. Untuk mendaftar anda juga boleh menghubungi Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara): A.S. atau Kanada (Bebas Tol) di 1 (800) 749-3518; atau Antarabangsa (Dengan Tol) di 1 (941) 906-4822. Senarai lengkap nombor telefon dengan tol dan bebas tol bagi Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara) mengikut negara dilampirkan dalam utusan Notis ini, dan senarai ini juga boleh didapati dalam talian. Anda juga boleh menulis kepada Pentadbir Tuntutan Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara) di alamat yang disenaraikan di sini untuk memohon Borang Pendaftaran.

V. BAGAIMANA UNTUK MENGEQUALIKAN DIRI ANDA DARIPADA KELAS

Anda akan terikat dengan terma Perjanjian Penyelesaian Kanada, jika diluluskan, melainkan anda "memilih untuk keluar". Jika anda memilih untuk kekal dalam Kelas Penyelesaian Kanada dan tidak memilih untuk keluar, anda tidak boleh membawa atau meneruskan mana-mana tuntutan atau

SOALAN? HUBUNGI A.S. & KANADA (BEBAS TOL) 1(800) 749-3518;

ANTARABANGSA (TOL): 1(941) 906-4822; ATAU LAWATI www.aircargosettlement.com

Senarai lengkap nombor telefon bebas tol dan bertol Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara) mengikut negara dilampirkan dengan Notis ini, dan senarai ini boleh didapati dengan melawati laman web.

prosiding kehakiman lain yang mendakwa tindakan yang menyalahi Akta Persaingan, seperti penetapan harga, atau tuntutan lain yang berkaitan dengan tindakan yang didakwa dalam pasaran pengiriman kargo udara. Tiada hak lanjutan untuk memilih untuk keluar daripada Tindakan Kelas Kanada akan diberikan pada masa akan datang. Jika anda memilih untuk keluar daripada Tindakan Kelas Kanada, anda tidak boleh terlibat dalam Perjanjian Penyelesaian Kanada atau dalam mana-mana penyelesaian atau pengadilan pada masa akan datang yang diperoleh daripada Defendan lain yang belum selesai.

Ontario dan/atau Kelas Penyelesaian British Columbia: Jika anda mahu mengecualikan diri daripada salah satu Kelas, anda perlu berbuat demikian dengan menghantar permintaan bertulis untuk pengecualian, melalui mel yang diperakui, resit pulangan yang dimohon, pos pra-bayar, cop kiriman pada atau sebelum November 12, 2008, ke alamat berikut:

**Air Cargo Settlement
c/o The Garden City Group, Inc.
P.O. Box 9162
Dublin, OH 43017-4162 USA**

Kelas Penyelesaian Québec: Jika anda ingin mengecualikan diri daripada Kelas Penyelesaian Québec, anda perlu buat begitu dengan menghantar permohonan bertulis untuk pengecualian, melalui mel yang diperakui, resit pulangan yang dimohon, pos pra-bayar, cop kiriman pada atau sebelum November 12, 2008, ke alamat berikut:

Clerk of the Superior Court of Québec
1 Notre-Dame Street East
Montréal, Québec H2Y 1B6

Maklumat Yang Diperlukan: Semua permohonan untuk pengecualian daripada Tindakan Kelas Kanada mesti menyatakan dengan jelas:

- nama, alamat, dan nombor telefon anda
- semua nama dagangan atau nama perniagaan dan alamat yang anda atau perniagaan anda gunakan, begitu juga salah seorang ibu bapa, subsidiari atau anggota gabungan yang telah membeli perkhidmatan pengiriman kargo udara pada bila-bila masa dalam tempoh yang relevan dan juga memohon untuk dikecualikan daripada Kelas Penyelesaian
- nama kes (*Canadian Air Cargo Shipping Services Class Actions (Tindakan Kelas Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara Kanada)*).
- Kelas dari mana anda ingin dikecualikan
- nilai semua perkhidmatan pengiriman kargo udara yang anda telah beli dari tarikh Januari 1, 2000 hingga September 11, 2006
- pernyataan bertulis yang "Saya/kami dengan ini memohon untuk saya/kami dikecualikan daripada Kelas Penyelesaian yang dicadangkan dalam *Canadian Air Cargo Shipping Services Class Action (Tindakan Kelas Perkhidmatan Pengiriman Kargo Udara Kanada)*."

UNTUK DIKECUALIKAN DARIPADA TINDAKAN KELAS KANADA, ANDA PERLU MEMOHON PENGEKUALIAN DALAM TEMPOH DENGAN CARA YANG DIKEMUKAN DI ATAS WALAUPUN ANDA TELAH MEMFAILKAN ATAU BERNIAT UNTUK MEMFAILKAN TUNTUTAN MAHKAMAH SENDIRI TERHADAP MANA-MANA DEFENDAN BERDASARKAN TUNTUTAN YANG TIMBUL DARIPADA TINDAKAN YANG DIPERSOALKAN DALAM LITIGASI INI. ANGGOTA KELAS PENYELESAIAN QUÉBEC YANG TELAH MEMULAKAN PROSIDING ATAU MEMULAKAN

SOALAN? HUBUNGI A.S. & KANADA (BEBAS TOL) 1(800) 749-3518;

ANTARABANGSA (TOL): 1(941) 906-4822; ATAU LAWATI www.aircargosettlement.com

Senarai lengkap nombor telefon bebas tol dan bertol Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara) mengikut negara dilampirkan dengan Notis ini, dan senarai ini boleh didapati dengan melawai laman web.

PROSIDING DAN GAGAL UNTUK MENERUSKAN PROSIDING TERSEBUT SEBELUM TARIH AKHIR UNTUK PENGECUALIAN DARIPADA KELAS QUÉBEC AKAN DIANGGAP TELAH MEMILIH UNTUK KELUAR.

VI. PERBICARAAN KELULUSAN PENYELESAIAN

Anda tidak dimestikan untuk hadir ke perbicaraan kelulusan penyelesaian.

Di Kanada, setiap Mahkamah mesti meluluskan Perjanjian Penyelesaian Kanada untuk Perjanjian dikuatkuasakan. Satu usul untuk meluluskan Perjanjian Penyelesaian Kanada akan didengarkan di Ontario Superior Court of Justice (Mahkamah Tinggi Keadilan Ontario) di Bandar London pada Januari 28, 2009 pukul 10:00 pagi, Superior Court of Québec (Mahkamah Tinggi Québec) di Bandar Montreal pada Mac 9 dan 10, 2009 pukul 9:00 pagi, dan Supreme Court of British Columbia (Mahkamah Agung British Columbia) di Bandar Vancouver pada Februari 27, 2009 pukul 10:00 pagi. Anggota Kelas Penyelesaian berhak untuk muncul dan membuat penyerahan di perbicaraan mengikut Perjanjian Penyelesaian Kanada. Jika anda ingin memberi komen terhadap atau membantah penyelesaian, penyerahan bertulis mesti dihantar sebelum November 12, 2008 kepada setiap peguam yang disebutkan di bawah:

<p>Bantahan daripada Anggota Kelas Penyelesaian, selain daripada Anggota Kelas Penyelesaian Québec, perlu dihantar ke Peguam Bersama Kelas Penyelesaian Kanada:</p> <p>Charles M. Wright Siskinds LLP 680 Waterloo Street London, ON N6A 3V8 1-800-461-6166</p> <p>Bantahan daripada Anggota Kelas Penyelesaian Québec perlu dihantar ke Peguam Kelas Penyelesaian Québec:</p> <p>Irwin Liebman Liebman Associés 1 Westmount Square #1500 Montreal, Québec H3Z 2P9 (514) 846-0666</p>	<p>Robert E. Kwinter Blake, Cassels & Graydon LLP 199 Bay Street Suite 2800, Commerce Court West Toronto, ON M5L 1A9 (416) 863-2400</p> <p>Peguam Kanada bagi Deutsche Lufthansa AG, Lufthansa Cargo AG, dan Swiss International Air Lines Ltd.</p>
---	---

SOALAN? HUBUNGI A.S. & KANADA (BEBAS TOL) 1(800) 749-3518;

ANTARABANGSA (TOL): 1(941) 906-4822; ATAU LAWATI www.aircargosettlement.com

Senarai lengkap nombor telefon bebas tol dan bertol Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara) mengikut negara dilampirkan dengan Notis ini, dan senarai ini boleh didapati dengan melawai laman web.

Semua penyerahan akan dikemukakan ke Mahkamah yang berkenaan, dan semua penyerahan bertulis yang difailkan akan dipertimbangkan oleh Mahkamah yang berkenaan. Jika anda tidak memfailkan penyerahan bertulis sebelum November 12, 2008 anda tidak berhak untuk terlibat, melalui penyerahan lisan atau sebaliknya, dalam perbicaraan kelulusan penyelesaian.

Masa dan tarikh mana-mana perbicaraan mungkin bersambung atau dijadual semula tanpa pemberitahuan awal.

VII. PENTADBIR TUNTUTAN AIR CARGO SETTLEMENT (PENYELESAIAN KARGO UDARA)

Maklumat lanjut tentang Penyelesaian boleh didapati di laman web rasmi penyelesaian di www.aircargosettlement.com. Laman web menyenaraikan alamat e-mel yang boleh anda gunakan untuk menghubungi Pentadbir Tuntutan Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara). Anda juga boleh menghubungi Pentadbir Tuntutan Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara) melalui telefon: A.S. atau Kanada (Bebas Tol) di 1 (800) 749-3518; atau Antarabangsa (Dengan Tol) di 1 (941) 906-4822. Caj tol dikenakan jika anda menghubungi nombor bebas tol A.S. dan Kanada dari lokasi luar negara-negara tersebut. Senarai lengkap nombor telefon dengan tol dan bebas tol mengikut negara dilampirkan dalam utusan Notis ini, dan senarai juga boleh didapati dalam talian di www.aircargosettlement.com. Anda juga boleh menulis kepada Pentadbir Tuntutan Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara) di alamat berikut:

Air Cargo Settlement
c/o The Garden City Group, Inc.
P.O. Box 9162
Dublin, OH 43017-4162 USA

Notis ini boleh didapati dalam banyak bahasa. Jika anda memerlukan bahan ini dalam bahasa selain bahasa Inggeris, sila lawati laman web, hubungi talian telefon maklumat, tulis kepada Pentadbir Tuntutan Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara) di alamat di atas atau hantarkan e-mel kepada administrator@aircargosettlement.com.

VIII. MAKLUMAT TAMBAHAN

Sebarang pembetulan atau perubahan nama atau alamat bagi Anggota Kelas Penyelesaian Kanada tidak perlu ditunjukkan ke Mahkamah. Jika nama anda dan/atau alamat telah berubah sejak anda menerima Notis ini, anda perlu maklumkan kepada Pentadbir Tuntutan Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara) tentang perubahan tersebut. Anda boleh melakukannya secara dalam talian di www.aircargosettlement.com atau dengan menulis kepada Air Cargo Settlement, c/o The Garden City Group, Inc., P.O. Box 9162, Dublin, OH 43017-4162 USA. Anda juga boleh menghubungi Pentadbir Tuntutan Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara) di nombor telefon yang dibincangkan di atas dalam Bahagian VII.

SOALAN? HUBUNGI A.S. & KANADA (BEBAS TOL) 1(800) 749-3518;
ANTARABANGSA (TOL): 1(941) 906-4822; ATAU LAWATI www.aircargosettlement.com
Senarai lengkap nombor telefon bebas tol dan bertol Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara) mengikut negara dilampirkan dengan Notis ini, dan senarai ini boleh didapati dengan melawati laman web.

Sebarang soalan yang anda ada berkenaan perkara yang terkandung dalam notis ini merujuk kepada Kelas Penyelesaian boleh ditujukan dalam bentuk bertulis kepada Peguam Kelas Penyelesaian Kanada, seperti berikut:

<p>Anggota Kelas Penyelesaian, selain daripada Anggota Kelas Penyelesaian Québec, perlu menghubungi:</p> <p>Charles M. Wright Siskinds LLP 680 Waterloo Street London, ON N6A 3V8 1-800-461-6166</p>	<p>Anggota Kelas Penyelesaian Québec perlu menghubungi:</p> <p>Irwin Liebman Liebman Associés 1 Westmount Square #1500 Montreal, Québec H3Z 2P9 (514) 846-0666</p>
--	--

Notis ini hanya mengandungi ringkasan Perjanjian Penyelesaian Kanada. Anggota Kelas Penyelesaian Kanada digalakkan untuk melihat keseluruhan Perjanjian Penyelesaian, salinannya boleh diperolehi secara percuma di www.aircargosettlement.com. Salinan juga boleh diposkan kepada anda dengan kos \$20, daripada Pentadbir Tuntutan Penyelesaian dengan menulis ke alamat berikut: Air Cargo Settlement, c/o The Garden City Group, Inc., P.O. Box 9162, Dublin, OH 43017-4162 USA.

Jangan hubungi Mahkamah.

NOTIS INI TELAH DISAHKAN OLEH ONTARIO SUPERIOR COURT OF JUSTICE (MAHKAMAH TINGGI KEADILAN ONTARIO), SUPREME COURT OF BRITISH COLUMBIA (MAHKAMAH AGUNG BRITISH COLUMBIA), DAN QUÉBEC SUPERIOR COURT (MAHKAMAH TINGGI QUÉBEC)

SOALAN? HUBUNGI A.S. & KANADA (BEBAS TOL) 1(800) 749-3518;
ANTARABANGSA (TOL): 1(941) 906-4822; ATAU LAWATI www.aircargosettlement.com
Senarai lengkap nombor telefon bebas tol dan bertol Air Cargo Settlement (Penyelesaian Kargo Udara) mengikut negara dilampirkan dengan Notis ini, dan senarai ini boleh didapati dengan melawai laman web.